

SOALAN NO. 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]

TARIKH : 25 MEI 2016

SOALAN :

YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan melakukan pemutihan/penapisan terlebih dahulu terhadap mana-mana pengambilan pegawai baharu juga kepada pegawai lama bagi mengelakkan berlakunya ketirisan/kebocoran maklumat sulit Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan tapisan keselamatan bagi penjawat awam telah dilaksanakan berpandukan Peraturan 80 Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Penjawat awam wajib menjalani dan lulus tapisan keselamatan sama ada sebelum disahkan dalam perkhidmatan atau selepas disahkan dalam perkhidmatan. Ini selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011.

Tapisan keselamatan dilaksanakan bagi memeriksa latar belakang penjawat awam untuk memastikan mereka bebas dari rekod jenayah, rekod keselamatan dan penyalahgunaan dadah serta bebas dan bersih daripada anasir subversif, espionaj dan sabotaj.

Proses Tapisan terdiri dari dua peringkat Tapisan Kasar dan Tapisan Halus bagi menapis pegawai awam yang dikehendaki melihat perkara-perkara terperingkat setakat peringkat Sulit, Rahsia atau Rahsia Besar. Tapisan Keselamatan Semula boleh dilaksanakan ke atas penjawat awam pada bila-bila masa berdasarkan keperluan perkhidmatan dan lain-lain tujuan seperti kenaikan pangkat dan penempatan pegawai di jawatan tertentu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (65)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 MEI 2016
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :-

Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan menerusi skim MyHome, berapakah jumlah projek yang dirangka untuk dibangunkan mengikut negeri dan apakah prosedur operasi standard (SOP) baharu dalam usaha mengatasi masalah menjual atau menyewakan rumah tersebut kepada pihak ketiga dalam tempoh 10 tahun pertama pembelian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) di seluruh Negara. Sehingga 10 Mei 2016, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi kelulusan kepada 39 pemaju bagi 41 projek Skim *MyHome* yang merangkumi sebanyak 9,571 unit rumah di seluruh negara. Senarai projek dibawah Skim *MyHome* di seluruh negara adalah seperti di **Lampiran 1**.

Penjualan rumah yang menerima insentif RM30,000 di bawah Skim *MyHome* akan dikenakan moratorium di mana rumah tersebut tidak boleh disewa atau dijual selama 10 tahun. Secara amnya, pembeli tertakluk kepada klausa di dalam Perjanjian Jual Beli dan Surat Akuan Bersumpah yang telah ditandatangani. Jika didapati melanggar perkara tersebut, pembeli boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Akuan Berkanun 1960.

Dalam masa yang sama, KPKT telah menyediakan satu *Standard Operating Procedure* (SOP) khusus untuk urusan perletakan hak dan penjualan semula dalam tempoh moratorium di bawah Skim *MyHome*. Umpamanya, pelepasan adalah dibenarkan bagi pindah milik kepada ahli keluarga terdekat seperti daripada bapa kepada anak, suami kepada isteri dan sebagainya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016

Lampiran 1**Senarai Projek Dibawah Skim Myhome Di Seluruh Negara**

BIL	NEGERI	PEMAJU	PROJEK	MYHOME 1 (UNIT)	MYHOME 2 (UNIT)	JUMLAH (UNIT)
1	Selangor	3	3	0	901	901
2	WP KL	1	1	0	508	508
3	Johor	5	7	1,561	1,745	3,306
4	Pulau Pinang	1	1	0	26	26
5	Sabah	5	5	0	2,260	2,260
6	Sarawak	3	3	0	125	125
7	Perak	3	3	0	325	325
8	Kedah	7	7	220	963	1,183
9	Negeri Sembilan	0	0	0	0	0
10	Pahang	5	5	0	449	449
11	Melaka	3	3	160	234	394
12	WP Putrajaya	0	0	0	0	0
13	Terengganu	0	0	0	0	0
14	Kelantan	2	2	0	34	34
15	Perlis	1	1	0	60	60
16	WP Labuan	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		39	41	1,941	7,630	9,571